

079 MOTIVASI RASULULLAH S.A.W BERDASARKAN HADIS-HADIS PILIHAN DI DALAM *AL-ARBA'IN AL-NAWAWIYYAH*

Rosni binti Wazir

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

rosni@kuis.edu.my

ABSTRAK

Rasulullah s.a.w terkenal sebagai seorang pemimpin, pendakwah dan pendidik yang terbaik. Bukan itu sahaja, baginda juga turut dikenali sebagai seorang motivator yang hebat. Segala tunjuk ajar dan panduannya tertera dengan jelas melalui sirah dan sunnahnya yang mulia. Penulisan ini akan menganalisis beberapa teknik yang digunakan oleh baginda berdasarkan 42 buah hadis yang dikumpulkan oleh Imam al-Nawawi. Teknik ini berkaitan dengan cara baginda mendorong sahabat melakukan kebaikan, memberi mereka semangat dan nasihat yang bernas, meredakan kegelisahan serta mengeluarkan potensi terbaik dari diri mereka.

PENDAHULUAN

Mutakhir ini, manusia seringkali dikecewakan oleh kehidupan mereka, sama ada dari segi taraf hidup, ekonomi, pendidikan, keluarga, kawan-kawan dan kadangkala tempat kerja. Mereka sangat memerlukan satu dorongan yang kuat atau motivasi yang mampu menggerakkan mereka untuk terus bertahan dan mengubah hidup kepada keadaan yang lebih baik.

Banyak sekali teori motivasi yang digunakan dan kebanyakannya adalah dari tokoh Barat seperti Henry Murray dengan teori *Murray's Need Theory*, Abraham Maslow dengan teori Maslow's Need Hierarchy dan ramai lagi. Nama-nama seperti Kimberlie Dykeman, Amanda Gore, Yossi Ghinsberg menjadi ikutan dan sebutan dalam dunia motivasi. Kata-kata mereka menjadi panduan dan ikutan sehingga manusia, terutamanya Muslim lupa bahawa kita mempunyai seorang motivator ulung dengan teorinya yang relevan dari dulu hinggalah

ke hari kiamat. Beliau adalah Muhammad bin Abdullah, pesuruh Allah Taala yang Maha Hebat.

AL-ARBA'IN AL-NAWAWIYYAH

Tajuk sebenar bagi karya ini adalah “*al-Arba'in fi Mabani al-Islam wa Qawa'id al-Ahkam*”¹, tetapi ia lebih dikenali sebagai *al-Arba'in al-Nawawiyyah* nisbah kepada pengarangnya al-Nawawi², dan ia hampir-hampir tidak dikenali kecuali dengan nama ini³.

Karya ini telah disempurnakan oleh al-Nawawi pada malam Khamis, 27 Jamadil Awal tahun 668 Hijrah bersamaan 24 Januari 1270 Masihi.⁴ Ia mengandungi 42 buah hadis tetapi dinamakan “*al-Arba'in*” yang bermaksud “empat puluh”. Penjelasan tentang hal ini boleh difahami daripada kata-kata Sheikh al-'Uthaymin di dalam mukaddimahnyanya :

“al-Nawawi telah mengarang banyak karya dan di antara yang terbaik adalah karya ini *al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Ia sebenarnya bukan 40 tetapi 42 buah. Namun begitu, orang Arab telah menghazafkan yang sukar disebut dan memanggilnya “*al-Arba'in*”. Tidak menjadi isu sekiranya lebih satu atau dua mahupun kurang satu atau dua.”⁵

Terdapat 4 faktor utama yang mendorong al-Nawawi menyusun *al-Arba'innya* :

1. Mendapat inspirasi daripada hadis Nabi Muhammad ﷺ berkenaan kelebihan orang yang menghafaz 40 buah hadis.
2. Mengikut jejak langkah ulama'-ulama' terdahulu yang menyusun *al-Arba'un*.

¹ Ini adalah nama yang disebut oleh al-Nawawi di dalam syarah *Sahih Muslim*. Sila lihat Yahya bin Sharaf al-Din al-Nawawi (1984), *al-Minhaj fi Sharh al-Muslim li al-Nawawi*, j.7, c.2, Beirut : Dar al-Ihya' al-Turath, h.100.

² Ibn Mulqini (2005), *al-Mu'in 'ala Tafahhum al-Arba'in*, 'Abd al-'Al Mus'ad (*tahqiq*), cet.1, Kaherah : al-Faruq al-Khaditihyyah, h. 13.

³ Ahmad 'Abd al-'Aziz Qasim al-Hadad (1992), *al-Imam al-Nawawi wa Atharuh fi al-Hadith wa 'Ulumuh*, Beirut : Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, h.340.

⁴ Al-Sheikh 'Abd al-'Aziz Ibrahim bin Qasim (2000), *al-Dalil al-Mutun al-'Ilmiyyah*, Riyad : Dar al-Somi'i li al-Nasyr wa al-Tawzi', h.249. Lihat juga Dr. Mustafa al-Bugho dan Muhy al-Din al-Misto (1996), *al-Wafi fi Sharh al-Arba'in al-Nawawi*, c.9, Beirut : Dar Ibn Kathir, h.377.

⁵ Al-Sheikh Muhammad Salih li al-'Uthaymin (2011), *Sharh al-Arba'in li al-'Uthaymin*, halaman mukaddimah, www.ibnothameen.com, 21 September 2011.

3. Menyampaikan hadis-hadis Nabi kepada umat manusia untuk dihafaz, dihayati, difahami dan diamalkan.
4. Melakukan khidmat pada Islam dan umatnya.

Al-Arba'in al-Nawawiyyah mempunyai banyak keistimewaan, tetapi yang paling ketara adalah sifat *jawami' al-kalimnya*.

Jawami' al-Kalim adalah satu keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah kepada sabda-sabda Nabi Muhammad ﷺ. Ia pada dasarnya adalah sebagai yang disabdakan oleh baginda Rasulullah ﷺ :

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي ﷺ قال : بعثت بجوامع الكلم⁶

Jawami' al-Kalim sebagaimana pendapat Imam al-Zuhri bahawa : “ Ia adalah bagaimana Allah ﷻ mengumpulkan bagi Nabi Muhammad ﷺ urusan-urusan yang banyak tertulis dalam kitab-kitab sebelumnya hanya dengan satu atau dua urusan sahaja.” Seseorang ulama lain pula mentakrifkannya sebagai “Kalimat yang ringkas, namun mengandungi makna yang banyak, padat dan mendalam.”

Hadis-hadis yang dipilih oleh al-Nawawi di dalam *al-Arba'innya* adalah yang berbentuk *jawami' al-kalim*, ringkas tetapi padat dan mengandungi maksud yang penting. Bukan itu sahaja, malahan *sanad-sanad* hadith ini dihafazkan dan jelas dinyatakan oleh al-Nawawi bahawa ia untuk memudahkan hafazan. Pendekatan hadis sebegini amat mesra pembaca, senang difahami dan jitu maksudnya. Sekiranya diperhatikan hanya 7 daripada 42 buah hadis yang sedikit panjang, manakala selebihnya adalah pendek-pendek sahaja. Bagi

⁶ Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim. Sila lihat Al-Hafiz Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari*, Mausu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Salih bin 'Abd al-'Aziz Muhammad bin Ibrahim 'Ali Sheikh (ed.), Kitab al-al-Ta'bir, Bab al-Mafatih bi al-Yad, no.7013, Saudi Arabia : Dar al-Salam, h.585.

al-Imam al-Hafiz Abi al-Husayn Muslim bin al-Hajaj bin Muslim al-Qushairi al-Naysaburi (2000), *Sahih Muslim*, Mausu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Salih bin 'Abd al-'Aziz Muhammad bin Ibrahim 'Ali Sheikh (ed.), Kitab al-Masajid wa al-Mawadi', Bab al-Masajid wa al-Mawadi' al-Solah, no.1167, Saudi Arabia : Dar al-Salam, h.759.

Sila lihat komentar al-Bukhari apabila mengulas hadisnya. Sila lihat Al-Hafiz Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari*, Mausu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Salih bin 'Abd al-'Aziz Muhammad bin Ibrahim 'Ali Sheikh (ed.), Kitab al-Ta'bir, Bab al-Mafatih fi al-Yadd, no.7013, Saudi Arabia : Dar al-Salam, h. 585.

masyarakat awam, ia ternyata amat senang untuk dipelajari, difahami dan dihafaz, terutama bagi mereka yang baru berjinak dengan hadis Nabi ﷺ.

MOTIVASI RASULULLAH S.A.W

Allah s.w.t telah menyatakan dengan jelas di dalam al-Quran bahawa antara tugas Rasulullah s.a.w adalah memberi motivasi kepada manusia. Firman-Nya dalam surah al-Kahfi ayat 56 yang bermaksud : “Dan tidak Kami utuskan para rasul melainkan sebagai pembawa berita gembira (*mubasyyrin*) dan sebagai pemberi amaran (*mundzirin*).

Walaupun perkataan *mubasyyrin* itu lebih kepada makna pembawa kegembiraan tetapi ia juga boleh dilihat sebagai “pendorong”(*al-tarhib*). Jelasnya, ia membawa maksud “Tugas asasi para rasul adalah sebagai motivator yang mendorong manusia kepada keredaan Allah dan mengancam mereka yang ingkar.”⁷

Sekiranya diperhatikan, konsep “*al-tarhib*” di dalam pengajian hadis mempunyai makna yang sinonim dengan motivasi dan banyak sekali hadis-hadis baginda yang berbentuk *al-tarhib* atau galakan ini. Kedua-duanya mempunyai konsep yang sama iaitu bertujuan untuk memberi inspirasi dan motivasi kepada manusia supaya bekerja dan beribadat.

Di dalam teori motivasi, manusia yang cemerlang dalam kerjayanya akan dinaikkan pangkat manakala dalam teori *al-tarhib* pula, manusia yang melakukan kebaikan akan diberikan ganjaran pahala.⁸ Malah, konsep *al-tarhib* menjanjikan ganjaran yang lebih besar dan menjangkaui ke Akhirat, manakala janji motivasi hanyalah setakat duniawi sahaja.

Namun begitu, baginda Rasulullah s.a.w seringkali tidak dilihat sebagai seorang motivator, malah sabda baginda dilihat hanya sebagai satu perbincangan agama semata-mata sedangkan sejarah telah membuktikan bahawa baginda telah berjaya mengubah kehidupan

⁷ Mohd Khairul Nizam (2013), *Motivasi Gaya Rasulullah s.a.w*, PTS : Kuala Lumpur, hlmn.3.

⁸ Ahmadi Sakat dan rakan-rakan, *Comparison Of Western Motivation Theories With Islamic Method*, Journal of Applied Sciences Research, bil. 8, hlmn 3250.

ramai manusia dari keadaan yang buruk kepada keadaan yang jauh lebih baik. Itu adalah tanda aras bagi seorang motivator yang hebat.

Motivator berhadapan dengan manusia yang mempunyai emosi dan keupayaan memilih. Hal ini memerlukan personaliti yang kuat dan ampuh. Hanya motivator agung sahaja yang mampu melakukan perubahan ini⁹ dan dia adalah Muhammad Rasulullah s.a.w. Kehebatan baginda ini boleh dilihat di dalam sabda-sabdanya yang mulia sebagaimana hadis di dalam *al-Arba' in al-Nawawiyah* ini :

Hadis 1 : Sesungguhnya Segala Perbuatan Itu Bergantung Pada Niat

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Maksudnya : *Dari Amir al-Mukninin Abu Hafs Umar bin al-Khattab katanya : “Aku dengar Rasulullah s.a.w bersabda : Hanya segala amala dengan niat dan hanya bagi tiap-tiap seorang apa yang dia niatkan. Maka sesiapa hijrahnya kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasulnya. Dan barangsiapa hijrahnya bagi dunia yang ia akan perolehnya atau perempuan yang dia ingin kahwininya, maka hijrahnya kepada apa yang ia berhijrah kepadanya. (Hadis riwayat Bukhari)*

Keikhlasan adalah emelen motivasi terhebat. Ikhlas membuahkan kerja yang berkualiti. Ikhlas memotivasikan manusia untuk terus bekerja dan bersemangat semasa orang lain terkesan dengan kejian, cacian, pujian, dan ujian sehingga menghentikan kerja mereka. Keikhlasan menimbulkan motivasi bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Keikhlasan juga memotivasikan kita bagi sentiasa istiqamah dan konsisten. Istiqamah yang dimotivasikan oleh ikhlas akan menjadikan seseorang itu melakukan amal soleh sama ada di hadapan manusia ataupun di belakang mereka.¹⁰

⁹ Mohd Khairul Nizam (2013), *Motivasi Gaya Rasulullah s.a.w* , PTS : Kuala Lumpur, hlmn.8.

¹⁰ *Ibid.*, hlmn.90-91.

Hadis 25 : Pahala Sedekah

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيضًا، أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالُوا لِلنَّبِيِّ ﷺ يَا رَسُولَ اللَّهِ ذَهَبَ أَهْلُ الدُّنُورِ بِالْأَجُورِ؛ يُصَلُّونَ كَمَا نُصَلِّي، وَيَصُومُونَ كَمَا نَصُومُ، وَيَتَصَدَّقُونَ بِفُضُولِ أَمْوَالِهِمْ. قَالَ: أَوْلَيْسَ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ مَا تَصَدَّقُونَ؟ إِنَّ بِكُلِّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلِّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلِّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلِّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ، وَأَمْرٍ بِمَعْرُوفٍ صَدَقَةٌ، وَنَهْيٍ عَنِ مُنْكَرٍ صَدَقَةٌ، وَفِي بُضْعِ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّتِي أَحَدُنَا شَهْوَتُهُ وَيَكُونُ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ؟ قَالَ: أَرَأَيْتُمْ لَوْ وَضَعَهَا فِي حَرَامٍ أَكَانَ عَلَيْهِ وَزْرٌ؟ فَكَذَلِكَ إِذَا وَضَعَهَا فِي الْحَلَالِ، كَانَ لَهُ أَجْرٌ. رواه مسلم.

Maksudnya : *Dari Abi Dzar r.hu bahawasanya segolongan manusia dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w : Ya Rasulullah berkata kepada Nabi s.a.w : Ya Rasulullah! Orang-orang yang mempunyai harta (orang kaya) telah mendapat pahala (lebih banyak dari kami). Mereka sembahyang sebagaimana kami sembahyang dan mereka berpuasa sebagaimana kami puasa dan mereka bersedekah (sedekah) dengan kelebihan harta-harta mereka.*

Berkata Rasulullah s.a.w : Bukankan Allah telah menjadikan bagi kamu suatu untuk kamu bersedekah? Sesungguhnya dengan tiap-tiap tasbih itu sedekah dan tiap-tiap takbir itu sedekah dan tiap-tiap tahlil itu sedekah dan menyuruh dengan makruf itu sedekah dan melarang dari mungkar itu sedekah dan pada kemaluan seorang kamu itu pun sedekah.

Berkata mereka : Ya Rasulullah! Adakah salah seorang kami yang menggunakan shahwatnya dan adalah baginya pahala pada perbuatannya itu?

Berkata Rasulullah : Apa pendapat kamu kalau digunakannya pada yang haram, adakah dosa atasnya? Maka demikian pula apabila ia menggunakan shahwatnya pada yang halal adalah baginya pahala.

Peristiwa yang diceritakan oleh Abu Dzar ini berlaku kepada golongan muhajirin yang fakir serta golongan Ansar yang senasib dengan mereka. Mereka dapat merasakan kemampuan mereka untuk melakukan amalan adalah sangat terbatas disebabkan oleh kemiskinan mereka. Mereka boleh melakukan amalan biasa seperti solat dan puasa tetapi tidak lebih dari itu sedangkan jiwa mereka mengingini kelebihan dan pahala yang sama sebagaimana sahabat mereka yang berharta. Dalam keadaan ini mereka berkumpul menemui baginda, mengadu tentang keadaan mereka, memberitahu bahawa mereka dalam keadaan yang rugi, bahkan ada yang mengalirkan air mata kerana tiada harta untuk disedekahkan.

Boleh difahami daripada luahan hati mereka pada baginda adalah : “Wahai Rasulullah! Orang-orang yang berada (punya harta) telah pergi dengan membawa pahala

yang banyak. Orang-orang yang punya harta dan kaya telah mendapat semua pahala dan balasan. Mereka melebihi kami kerana mereka juga bersembahyang seperti kami, berpuasa sebagaimana kami berpuasa. Dalam keadaan ini mereka dan kami adalah sama. Kami tidak mempunyai kelebihan untuk mengatasi mereka, tetapi mereka istimewa dan melebihi kami kerana mereka dapat bersedekah dengan harta-harta lebih mereka. Sedangkan kami tidak mempunyai harta untuk menyaingi martabat mereka walaupun jiwa kami begitu teringin untuk mendapat kedudukan seperti itu di sisi Allah Taala. Maka, apa yang kami perlu lakukan?”¹¹

Perasaan cemburu yang ditunjukkan oleh para sahabat yang fakir itu adalah terpuji kerana mereka bukan mencemburui harta si kaya tetapi kepada pahala atau ganjaran yang didapati dari sedekah harta yang mereka tidak mampu untuk melakukannya.¹²

Baginda mengerti kehausan mereka untuk mendapat darjat yang tinggi di sisi Allah Taala. Baginda dengan bijak sekali menenangkan hati dan menyedarkan mereka bahawa mereka masih mempunyai kelebihan yang boleh digunakan dan dapat memberi ganjaran sebagaimana sedekah.

Baginda juga mengingatkan mereka bahawa pintu-pintu kebaikan sentiasa terbuka luas dan Allah s.w.t tidak akan membebankan seseorang lebih dari kemampuan mereka. Firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 286 :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya : *Allah s.w.t tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.*

Baginda dengan bijak sekali menjawab pertanyaan tersebut dengan satu lagi pertanyaan : “Bukankah Allah telah menjadikan untuk kamu sesuatu yang kamu boleh sedekahkan?” Inilah kehebatan Rasulullah s.a.w apabila baginda mengingatkan para sahabat bahawa walaupun mereka kekurangan dari segi harta, namun Allah Taala tidak pernah

¹¹ Dr. Mustafa Bugho dan Muhyiddin Misto (1988), *al-Wafi Syarah Hadis 40 Imam al-Nawawi*, Pustaka Salam : Kuala Lumpur, h. 271.

¹² Mustafa Abdul Rahman (2005), *Hadith Empat Puluh (Terjemahan dan Syarahnya)*, Dewan Pustaka Fajar : Shah Alam, h.295.

berlaku zalim pada hamba-Nya, mereka sentiasa mempunyai ruang untuk bersedekah sebagaimana orang kaya, iaitu bersedekah dengan sesuatu yang mereka mampu dan miliki.

Bertasbih, bertahmid, bertahlil, amar maaruf nahi mungkar, memberi nafkah batin pada isteri juga merupakan satu sedekah. Kalaupun tidak menyamai pahala sedekah yang sebenar, tapi ia tetap diganjar dengan pahala sedekah? Bukankah itu satu ruang yang luas untuk si fakir memperolehi pahala dan ganjaran yang sangat diingini itu?

Baginda dengan penuh bijaksana telah mengangani permasalahan ini dan menyerapkan kegembiraan dan ketenangan dalam jiwa manusia. Para sahabat sering berlumba-lumba dalam melakukan ibadat, mencemburui orang lain yang banyak melakukan kebaikan, tidak ingin ketinggalan dalam merebut ganjaran. Baginda sangat sedar tentang itu lalu memberikan jawapan yang tidak mematikan semangat dan perasaan yang membuak-buak itu, bahkan memberi alternatif yang tidak mengecewakan.

Tanda aras yang diletakkan oleh Rasulullah s.a.w sebagai seorang motivator ulung adalah tinggi. Seorang motivator yang telah melahirkan satu generasi yang saling mencemburui kerana kebaikan yang dilakukan, boleh kerana harta yang dikumpulkan. Masakan tidak, dorongan yang diberikan oleh baginda adalah satu ganjaran yang kekal selama-lamanya. Satu ganjaran yang dijanjikan bukan oleh manusia tetapi oleh Kuasa Yang Paling Hebat iaitu Allah s.w.t. Perhatikan maksud hadis ini :

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda : *“Allah menyatakan kepada malaikat pencatat amal; Apabila hamba-Ku berniat untuk melakukan kejahatan, jangan kamu catatkan sebelum dia melakukan kejahatan itu. Sekiranya dia melakukannya, tulis dosanya sesuai dengan kejahatannya. Apabila dia tidak melaksanakan niatnya yang jahat kerana Aku, tulis untuknya satu kebaikan. Apabila dia berniat melakukan satu kebaikan namun ternyata tidak dilaksanakannya, tulis untuknya satu kebaikan. Sekiranya dia melaksanakan niat baiknya itu, tulis untuknya 10 hingga 700 kali ganda kebaikan.”* (Hadis riwayat Bukhari).

Hadis di atas juga menggambarkan bahawa Rasulullah s.a.w ingin menyatakan kepada sahabat dan juga kita pada hari ni bahawa Islam ini agama yang mudah, luas dan tidak jumud.

Pahala bukan tertentu untuk satu-satu amalan sahaja sebagaimana yang terkandung dalam hadis di atas bahkan lebih luas dari itu. Sedekah tidak dinilai dari segi pemberian kebendaan atau harta benda semata-mata. Nabi s.a.w pernah bersabda pada hadis yang lain yang bermaksud : "Tiap-tiap kebaikan itu adalah sedekah" (Hadis riwayat Muslim). Bahkan jika tanam-tanaman dan buah-buahan yang berfaedah dimakan oleh binatang atau manusia hatta jika dicuri oleh manusia sekalipun tanpa pengetahuan tuannya, tuannya tetap mendapat pahala walaupun tiada niat atau qasad.¹³

Ini adalah satu bentuk motivasi yang hebat dan merupakan satu dorongan bahawa ruang untuk melakukan kebaikan itu adalah luas. Untuk melakukan kebaikan dan mendapat ganjaran yang banyak adalah sangat mudah dan tidak terhad. Oleh itu manusia tidak perlu membuat pilihan yang sukar sekiranya perlu memilih antara melakukan atau meninggalkan.

Baginda juga seringkali melakukan dorongan dalam bentuk penghargaan. Jawapan yang baginda berikan adalah sangat tepat sekaligus menggambarkan keindahan agama Islam itu sendiri. Perhatikan maksud hadis di bawah :

Hakim bin Hizam bertanya kepada Rasulullah s.a.w, katanya : *"Bagaimanakah pendapat perihal perbuatan-perbuatan baik yang pernah saya lakukan masa jahiliyyah seperti sedekah, memerdekakan budak, dan menghubungkan silaturrahim, apakah semua itu mendapat pahala atau tidak? Jawab Rasulullah s.a.w : "Tuan masuk Islam kerana kebajikan-kebajikan yang sudah lakukan sebelumnya."* (Hadis riwayat Muslim)

Jawapan baginda pasti membuatkan sahabat bersemangat untuk melakukan kebaikan, sedangkan amalan baik yang dilakukan semasa jahiliyyah juga dihargai dan dijadikan sebab untuk mereka menerima hidayah Islam ini,apatahlagi kebaikan yang dilakukan sewaktu mereka bergelar Muslim.

¹³ Zahazan Mohamed dan Muhammad Zakaria (2011), *Hadis 40 Imam Nawawi*, Telaga Biru Sdn.Bhd, Kuala Lumpur, h.121.

PENUTUP

Sebenarnya sangat banyak hadis-hadis baginda sekiranya dianalisa mampu melahirkan teori-teori motivasi yang hebat. Malah lebih hebat dari yang telah dihasilkan oleh Barat. Kita amat menyakini tentang hal ini kerana baginda sama sekali tidak bercakap berdasarkan nafsu, bahkan semuanya berdasarkan ilham yang diberikan oleh Allah s.w.t yang Maha Agung. Dia yang Maha Mengerti dan Maha Mengetahui.

RUJUKAN

al-Nawawi, Yahya bin Sharaf al-Din (1984), *al-Minhaj fi Sharh al-Muslim li al-Nawawi*, j.7, c.2, Beirut : Dar al-Ihya' al-Turath.

Ibn Mulqini (2005), *al-Mu'in 'ala Tafahhum al-Arba'in*, 'Abd al-'Al Mus'ad (*tahqiq*), cet.1, Kaherah : al-Faruq al-Khaditihyiah.

al-Hadad, Ahmad 'Abd al-'Aziz Qasim (1992), *al-Imam al-Nawawi wa Atharuh fi al-Hadith wa 'Ulumuh*, Beirut : Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.

'Abd al-'Aziz Ibrahim bin Qasim (2000), *al-Dalil al-Mutun al-'Ilmiyyah*, Riyad : Dar al-Somi'i li al-Nasyr wa al-Tawzi'.

Dr. Mustafa al-Bugho dan Muhy al-Din al-Misto (1996), *al-Wafi fi Sharh al-Arba'in al-Nawawi*, c.9, Beirut : Dar Ibn Kathir.

al-Bukhari, al-Hafiz Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah (2000), *Sahih al-Bukhari*, Mausu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Salih bin 'Abd al-'Aziz Muhammad bin Ibrahim 'Ali Sheikh (ed.), Kitab al-al-Ta'bir, Bab al-Mafatih bi al-Yad, no.7013, Saudi Arabia : Dar al-Salam.

al-Naysaburi, al-Imam al-Hafiz Abi al-Husayn Muslim bin al-Hajaj bin Muslim al-Qushairi (2000), *Sahih Muslim*, Mausu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Salih bin 'Abd al-'Aziz Muhammad bin Ibrahim 'Ali Sheikh (ed.), Kitab al-Masajid wa al-Mawadi', Bab al-Masajid wa al-Mawadi' al-Solah, no.1167, Saudi Arabia : Dar al-Salam.

Mohd Khairul Nizam (2013), *Motivasi Gaya Rasulullah s.a.w*, PTS : Kuala Lumpur.

Ahmadi Sakat dan rakan-rakan, *Comparison Of Western Motivation Theories With Islamic Method*, Journal of Applied Sciences Research, bil. 8.

Zahazan Mohamed dan Muhammad Zakaria (2011), *Hadis 40 Imam Nawawi*, Telaga Biru Sdn.Bhd, Kuala Lumpur.